



CABARAN MENGETENGAHKAN MODEL EKONOMI ISLAM

Kekuatan atau kelemahan model ekonomi kapitalis dan sosialis sememangnya masih terus dibahaskan dalam tempoh yang panjang hampir di kesemua negara di dunia sehinggalah dasawarsa sekarang terutamanya semasa tempoh Perang Dingin tahun 1960-an hingga 1990 sebelum ini.

Runtuhnya Tembok Berlin pada tahun 1989 menandakan bahawa semakin lemahnya pengaruh sosialisme, sekaligus memberikan peluang kepada ideologi kapitalisme menjadi pilihan kebanyakan negara. Namun begitu, ideologi kapitalisme ini pula berdepan dengan pelbagai kritikan apabila menunjukkan adanya kelemahan ketara sistem kapitalis itu, misalnya dengan masalah kemelesetan ekonomi yang bermula dengan krisis kewangan di Amerika Syarikat 2007/2008. Hal ini menjadikan kebanyakan ahli ekonomi Barat yang terkial-kial mencari-cari potensi idea alternatif, justeru menyedari kapitalisme juga tidak mempunyai kekuatan untuk menjanjikan pembangunan ekonomi dunia yang lebih adil dan merata.

Dalam keadaan yang terpinga-pinga itulah ada yang mengintai kelebihan sistem ekonomi Islam yang ada sebagai alternatif baharu. Serentak dengan itu juga, tulisan mengenai peningkatan pengaruh ekonomi Islam dan kemerosotan pengaruh kapitalisme sudah mula ada ditulis, misalnya oleh Mohammad Malkawi (2010), *Fall of Capitalism and Rise of Islam*. Semua sistem ekonomi itu tidak kira apa-apa pun tujuangnya, bertujuan untuk menyediakan

huraian tentang potensi kekayaan dapat dikumpulkan dengan berkesan dan kemudiannya dapat diagihkan dengan adil.

Namun begitu, tunjang sistem ekonomi Islam berbeza daripada sistem kapitalis dan sosialis dengan adanya pedoman wahyu pada ekonomi Islam berbanding dengan sistem yang lain itu. Oleh itu, prinsipnya juga berbeza. Kira-kira 100 tahun yang lalu sememangnya sudah ada semangat yang berkobar-kobar untuk mengetengahkan gagasan pemikiran ekonomi Islam. Namun begitu, pemikiran yang ada pada sistem ekonomi Islam yang pernah dicadangkan pada ketika itu lebih retorik, sloganisme dan klise sahaja. Sebagai contoh, bagi membezakan sistem meraih keuntungan antara kapitalisme dengan Islam, maka dilaungkan slogan "Kapitalisme Tanpa Riba" bagi menerangkan gagasan ekonomi Islam. Sloganisme "Sosialisme Bertuhan" juga pernah digunakan bagi membezakan idea pengagihan kekayaan antara ekonomi Islam dengan sosialisme. Retorika, sloganisme dan klise seumpama ini sudah mula beransur-ansur hilang apabila penelitian secara ilmiah tentang maksud ekonomi dan kewangan Islam yang mula diperdebatkan secara serius sejak tahun 1970-an.

Pada hari ini, akibat sentimen fobia terhadap Islam dan apabila disebut sahaja ada keperluan diketengahkan model ekonomi Islam, soalan-soalan yang sinis dan spontan begitu mudah ditimbulkan oleh pihak tertentu yang bukan sahaja datang daripada penganut agama lain malah juga umat Islam sendiri. Lontaran persoalan yang bertalu-talu seperti, "Adakah terdapat negara di dunia ini yang telah berjaya melaksanakan model ekonomi Islam?", "Mengapakah hanya kisah zaman Rasulullah SAW atau Saidina Umar al-Khatab atau Umar Abdul Aziz hendak dijadikan model ekonomi Islam ikutan pada hari ini?", "Mengapakah dalam keadaan dunia berusaha untuk mencipta kecemerlangan masa depan, pemikir ekonomi Islam masih kuat menoleh ke belakang, mengagungkan-gungkan perkara yang telah ditinggalkan berzaman?" Persoalan seperti ini sebenarnya juga mengandungi retorik, sloganisme dan kliseny sendiri. Hal ini bukanlah bermaksud untuk menolak mentah-mentah unsur-unsur rasionalisme dan progresif di balik soalan-soalan yang berkenaan.

Sebenarnya, sistem yang dibangunkan berdasarkan tamadun apa-apa jua sekalipun seperti kapitalisme dan sosialisme itu sememangnya juga berdepan dengan kritikan bertubi-tubi berkaitan dengan amalannya sebagaimana persoalan yang dilontarkan kepada cadangan model ekonomi Islam di atas. Namun begitu, model kapitalisme dan sosialisme tersebut tetap digugah wacananya untuk terus dibangunkan atas keyakinan adanya manfaat besar daripada ilmu berkenaan. Bagi maksud itu, bukan sahaja sistem kapitalisme, bahkan model sosialisme baharu atau komunisme baharu juga didapati semakin galak dibincangkan di pusat perguruan tinggi. Sebagai contoh, kemajuan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) yang memungkinkan pengeluar mampu berurusan langsung dengan pengguna tanpa kos perantaraan, terutamanya kos buruh telah menerima kritikan bertali arus pelbagai pihak terutamanya, pendukung Marxist kerana faedah teknologi AI seperti itu dijangkakan hanya akan menyebabkan berlakunya masyarakat penganggur secara besar-besaran.

Para pendukung falsafah yang memperjuangkan kepentingan pekerja atau buruh kembali menggunakan perspektif Marxis untuk meneliti masalah kapitalisme pada tahap evolusinya yang terkini. Hal ini bermakna sosialisme yang telah disingkirkan suatu masa dahulu itu

pun sudah mula kembali dibawa ke meja perbincangan. Karya Nick Dyer-Witheford (2019) berjudul, *Inhuman Power: Artificial Intelligence and the Future of Capitalism* ada menelusuri sebahagian besar perkara yang dibincangkan ini.

Sebenarnya, kapitalisme atau sistem pasaran bebas sebagaimana yang digagaskan oleh Adam Smith tidak pernah dilaksanakan di mana-mana negara di dunia ini. Adam Smith mengkritik sistem merkantilisme, justeru beliau percaya sistem yang berasaskan secara *self-seeking individuals* secara semula jadi mendatangkan faedah kepada kepentingan awam berdasarkan hukum kesan yang tidak dijangka (*unintended consequences*). Umum mengakui unsur kapitalisme pada hari ini tidak memberikan kepentingan kepada awam sebagaimana yang Adam Smith gagas sebaliknya dikhuatiri hanya menguntungkan beberapa peratus konglomerat tertentu sahaja. Sistem kapitalis itu hanya memindahkan kekayaan dari satu elit kepada elit yang lain sahaja, tidak mengalir pun kepada masyarakat awam sebagaimana yang diteorikan Adam Smith itu. Kekayaan itu hanya berpindah milik daripada saku elit tuan-tuan tanah kepada golongan elit peniaga yang disebut dengan istilah borjuis.

Walaupun apa-apa sahaja realitinya, model ekonomi kapitalisme dan sistem pasaran besar tetap terus diajar di seluruh perguruan tinggi walaupun tiada negara yang terbukti dapat mengamalkan idea-idea Smith itu. Dengan ictbar yang hampir serupa, walau pun mungkin memang benar yang model ekonomi Islam itu tidak berjaya dilaksanakan di mana-mana negara sekali pun di dunia ini pada masa kini sebagaimana hujah-hujah sinis yang dilontarkan itu, ini tidak boleh digunakan sebagai hujah kuat untuk tidak mengajar model berkenaan. Perlulah diteliti secara saksama apakah prinsip-prinsip ekonomi Islam itu sebagaimana memahami prinsip-prinsip ekonomi kapitalis dan sosialis.

Sudahlah sistem ekonomi sosialis/komunis yang mahu dilaksanakan oleh Karl Marx dalam memastikan pengagihan kekayaan secara sama rata pun sememangnya tidak ada dilaksanakan di mana-mana negara di dunia ini, malah terbukti negara-negara yang dikatakan komunis itu seperti Rusia, Korea Utara dan Cuba juga tidak pun mengikut tunjuk ajar Marx sebagaimana sistem sosialisme yang diteorikan beliau itu. Tragedi yang berlaku di negara-negara berkenaan adalah sistem yang hanya mengayalkan tembolok beberapa peratus kecil golongan elit birokrat hierarki pimpinan atasan

dalam Parti Komunis sahaja. Pendek kata, amalan teori sosialisme/komunisme yang menjangkakan kekayaan di saku elit borjuis itu akan diagihkan secara sama rata kepada golongan miskin hanyalah utopia, dan jauh panggang dari api, tidak semestinya berlaku. Perkara yang berlaku melibatkan pemindahan kekayaan dari saku elit borjuis kepada elit birokrat Parti Komunis.

China pula tidak jelas komunismenya apabila "mengahwinkan" model sosialisme dan kapitalisme bagi melahirkan "zuriat" ekonomi yang lebih melimpah ruah. Sistem ekonomi Islam sememangnya mengandungi kedua-dua aspek model ekonomi Barat (iaitu meraih keuntungan sebagaimana dalam kapitalisme dan pengagihan kekayaan seperti mana dalam sosialisme berkenaan). Kecekapan ekonomi dan pertumbuhan yang merupakan inti kapitalisme dan pengagihan kekayaan secara saksama serta kesejahteraan masyarakat yang menjadi inti sosialisme sememangnya ada ditekankan dengan menyeluruh dalam ekonomi Islam. Tentulah jelas dalam Islam riba itu diharamkan dan Tuhan mesti diutamakan. Sekadar menanam tebu di tepi bibir menyebut ekonomi Islam itu adalah "kapitalisme tanpa riba" dan "sosialisme bertuhan" sebenarnya tidak menunjukkan apakah yang autentik dan istimewa tentang Islam itu. Oleh hal yang demikian, sewajarnya sebarang usaha untuk mengetengahkan model ekonomi Islam tidak dilakukan sekadar pemanis bibir tetapi perlulah lebih konkrit supaya dapat mengangkat ketinggian intelektualisme Islam tersebut.

Usaha konkrit ke arah intelektualisme Islam berkenaan sememangnya ada bahkan semakin meningkat. Gagasan ekonomi dan kewangan Islam yang telah dibangunkan sememangnya menunjukkan adanya kesan domino kepada benak masyarakat Islam secara khusus, misalnya baik melalui intelektualisme yang pernah ditaakul dan kemudiannya disebar oleh Mohammad Nejatullah Siddiqi mahupun Khurshid Ahmad. Penubuhan institusi perbankan Islam dan Takaful Islam serta melonjaknya perkembangan industri halal merupakan manifestasi adanya impak daripada aktiviti dalam minda kepada aktiviti amalan harian masyarakat. Usaha ini telah berjaya membuka minda manusia tentang pentingnya khazanah ilmu ekonomi dalam Islam. Prinsip utama ekonomi Islam mampu merapatkan jurang antara kelas ekonomi yang kaya dengan yang miskin dalam masyarakat. Hal tersebut berbeza daripada etos komunisme

yang berdasarkan prinsip "From each according to his ability, to each according to his needs". Prinsip *socially acceptable level of income* merupakan teras sistem ekonomi Islam yang diperturunkan bagi amalan di sesebuah negara. Dalam sebuah masyarakat itu perlu ada yang kaya, sederhana kaya dan yang berpendapatan rendah. Model ini bukan utopia, iaitu mengharapkan persamaan pendapatan sama rata dan sama rasa bagi semua orang. Hal ini bukan juga kekayaan berbentuk struktur piramid, iaitu laba luar biasa yang dibolot segelintir orang atasan, membiarkan kemiskinan pada jumlah yang ramai di bawahnya. Amalan ekonomi Islam dapat melahirkan masyarakat berbentuk struktur ketupat, iaitu sedikit yang kaya di atas dan sedikit yang miskin di bawah yang mana golongan sederhana kaya dan sederhana miskin menggelembung di tengah-tengah.

Sebenarnya orang Islam sendiri yang sepatutnya terlebih dahulu berkeyakinan dengan model ekonomi Islam itu kerana modelnya telah dilaksanakan pada zaman awal Islam. Kita patut jelas bahawa apabila sesuatu model itu dibangunkan, hal tersebut tidak bermaksud untuk memastikan semua orang mesti sempurna mengikut model berkenaan. Model Adam Smith dan model Karl Marx dibangunkan bagi maksud manusia dapat melihat sesuatu yang ideal seperti yang dimahukan dalam sistem kapitalisme dan sosialisme itu. Perkara yang sama juga perlu diambil ictbar dan harus ditunjukkan apabila kita mengungkapkan tentang idealisme model ekonomi Islam sebagaimana model yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan Umar al-Khattab serta Umar Abdul Aziz. Umat Islam bukan dituntut untuk serba serbi secara sempurna menjadi seperti Rasulullah SAW atau mana-mana khalifah Islam itu, tetapi berusaha dan memberikan komitmen untuk mencontohi model yang ideal. Sikap berkeyakinan seperti inilah yang sepatutnya ada bagi semua orang terutamanya umat Islam itu sendiri terhadap model ekonomi Islam yang cuba dibangunkan sebagai penyelesaian kepada masalah dalam sistem ekonomi yang sedia ada. Mesejnya, umat Islam bukan sahaja perlu yakin dengan Model Ekonomi Islam sebagaimana ajaran dalam agamanya malah perlu matang dengan tidak menggadaikan intelektualisme dalam usaha mengetengahkan model ekonomi Islam kepada masyarakat dunia. □

Profesor Dr. Makmor Tumin, Profesor di Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Pengajian Pembangunan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya.